

Contohi industri beras Kemboja

Perbincangan terperinci KL-Phnom Penh tingkat kerjasama

Phnom Penh: Malaysia dan Kemboja berharap, dapat meningkatkan kerjasama dalam sektor pelaburan, industri halal, teknologi digital, pendidikan dan pertahanan, bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata isu berkenaan telah dibincangkan dan menjadi antara keutamaan yang dibangkitkan semasa mesyuarat dua hala yang diadakan di Istana Keamanan di sini, semalam.

"Perbincangan adalah sangat terperinci dan menyeluruh, menyentuh isu perdagangan dan pelaburan yang menjadi keutamaan kami dalam hubungan dua hala, selain beberapa isu lain yang menjadi perhatian," katanya.

Beliau memberitahu demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, sempena lawatan rasmi sehari beliau ke Kemboja.

Terdahulu, Anwar dan Hun Sen menyaksikan majlis menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan Malaysia dan Kemboja.

MoU berkenaan berkaitan Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang pekerja Kemboja dalam sektor domestik serta

Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang pekerja Kemboja di sektor formal bagi perkukuh lagi kerjasama dua negara dalam sektor buruh.

Mengenai industri halal, perdana menteri berkata, Malaysia sudah menerajui sektor berkenaan dan ia akan memberi peluang kepada Malaysia dan Kemboja untuk menggunakan kemudahan itu bagi menggalak dan memudahkan eksport ke negara Islam, khususnya di Asia Barat.

Anwar juga menyentuh mengenai kejayaan pengeluaran beras di Kemboja dan beliau akan menggalakkan syarikat beras Malaysia dalam memenuhi keperluan import beras agar dapat mempertimbangkan pilihan mengimport beras dan kacang gajus dari Indonesia.

"Perdana Menteri (Kemboja) menyebut tentang kejayaan pengeluaran beras yang patut dipuji walaupun anda kata ada lebihan, saya tahu sebenarnya pengeluaran beras bukan sesuatu yang mudah, tetapi anda berjaya meningkatkan produktiviti," katanya.

Kedua-dua negara menurut Anwar, turut bersetuju menggunakan buluh yang terdapat di Kemboja bagi menarik pelabur dalam memproses dan mengeksportnya.

"Anda (Hun Sen) telah menyebut isu keperluan untuk meneruskan latihan, selain urusan kerajaan-ke-kerajaan seperti pertahanan dan kepakaran teknikal dan pentadbiran.

"Mengenai teknologi digital

dan pendidikan, sudah tentu kita akan dapat bekerjasama, sebaik sahaja jawatankuasa bersama bersidang, mudah-mudahan menjelang akhir tahun. Saya rasa gilirannya Malaysia menjadi tuan rumah selepas beberapa tahun berlalu," katanya.

Pada sidang media sama, Anwar merakamkan penghargaan kepada Hun Sen atas sokongan rakan sejawatnya itu dalam membantu rakyat Malaysia yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan di negara itu.


Perdana Menteri menyifatkan Kemboja di bawah pimpinan Hun Sen sebagai 'cemerlang' dalam memberikan sokongan penuh dan kerjasama bagi menyelesaikan isu penipuan pekerjaan.

"Saya juga mesti merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri (Hun Sen) kerana Kemboja antara negara yang paling membantu apabila kami perlu menangani isu penipuan pekerjaan yang turut menjejaskan rakyat anda, tetapi kemudian anda membantu kami membawa kembali 287 rakyat Malaysia mangsa penipuan pekerjaan," katanya.

Kementerian Luar dilaporkan menerima 572 laporan membabitkan warga Malaysia yang menjadi mangsa sindiket 'penipuan pekerjaan' di luar negara setakat 20 Februari lalu.

Laporan itu diterima melalui Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok (Thailand), Phnom Penh (Kemboja), Vientiane (Laos) dan Yangon (Myanmar).

Perdana Menteri tiba di Kemboja jam 9.05 pagi waktu tempatan semalam, lawatan rasmi sehari



Anwar bersama Hun Sen pada sidang media di pejabat rasmi Perdana Menteri Kemboja di Phnom Penh, semalam.

(Foto BERNAMA)

bagi memperkukuh lagi hubungan dan kerjasama dua hala yang terjalin antara Malaysia dan negara itu sejak 1957.

Lawatan rasmi dan sulung Anwar ke negara itu atas undangan Perdana Menteri Hun Sen.

Ketibaan Anwar di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh disambut oleh Menteri Kanan Tugas-Tugas Khas Kemboja bagi Hal Ehwal Islam, Datuk Dr Othman Hassan, selaku Menteri Pengiring mewakili Kerajaan Kemboja.

Turut menyambutnya di lapangan terbang ialah Menteri Sum-

ber Manusia V Sivakumar.

Anwar turut diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Selepas tiba, Perdana Menteri dibawa ke Peace Palace, di sini yang juga pejabat rasmi Perdana Menteri Kemboja untuk menerima sambutan rasmi dengan lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, diikuti acara lintas hormat diiringi Hun Sen, sebelum kedua-duanya mengadakan pertemuan dua hala. BERNAMA